



**DOKUMEN SEBUT HARGA
BAGI**

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN
PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN
ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/622
TARIKH BUKA	24 JULAI 2025
TARIKH TUTUP	07 OGOS 2025
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

www.mbsj.gov.my

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/622

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

SENARAI KANDUNGAN		
BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENIFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	BORANG SEBUT HARGA	BS 1
F	<i>PREAMBLES</i>	P1 – P2
G	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
H	SENARAI KUANTITI	SK 1 – SK 5
J	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 9
K	KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN	KD 1 – KD 2
L	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 10
M	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER (KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan

/

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Sila tandakan

x

 Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	<p><u>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</u></p> <p>i) Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan April, Mei dan Jun atau Julai bagi tahun 2025 (Penyata bank tersebut hendaklah DISAHKAN) atau :</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 2 (dua) tahun kewangan terakhir yang telah disahkan bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau:</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain yang terkini.</p> <p>Penyata bank diatas telah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</p>	<div style="display: flex; flex-direction: column; gap: 20px;"> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> </div>	<div style="display: flex; flex-direction: column; gap: 20px;"> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> </div>
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, atau: Salinan Borang Teras (Super Form) bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang Pengisytiharan Pemunya Benifisial - (Lampiran 12) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti :</p> <p>i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan</p> <p>ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p>iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat.</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
	iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii) _____ _____	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada)

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

*Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA

- LAMPIRAN 6 -

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB. 400-5/6/622

Saya, (Nama Wakil Syarikat) No. Kad
Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN
PEMUNYA BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB. 400-5/6/622

Saya nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

Catatan: * Potong yang mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM
MENANGANI PERMERDAGANGAN ORANG
DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN
PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG
JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

MBSJ.KUB. 400-5/6/622

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : **PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN**

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan Senarai Kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga sebanyak: **(Ringgit Malaysia : RM.....)** bagi **tempoh perkhidmatan (ditetapkan) adalah selama dua (2) tahun.**

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan

Saya/Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samaada:

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME); atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan; atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender.**

Bertarikh pada haribulan 2025.

.....
Tandatangan Petender
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
Atas sifat :

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon : :

.....
(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

PREAMBLES

PREAMBLES

TAJUK HARGA SEBUT : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL.	PREAMBLES
A	<p>Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/ Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender)</p> <p>** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insuran</p>
B	<p>Petender hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Jaminan Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,00.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).</p>
C	<p>Petender hendaklah menyediakan kelengkapan kebersihan dan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini (rujuk Penentuan perkhidmatan untuk keterangan yang lebih lengkap).</p>
D	<p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p>
E	<p>Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.</p>
F	<p>Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.</p>
G	<p><u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018[Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018[Akta 807]</u></p> <p>a) Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan(CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai kontrak termasuk kenaaan CJCP</p>

	<p>b) Penyebut harga hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.</p>
--	--



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/622

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	RINGKASAN KERJA	JUMLAH SEBULAN (RM)	BULAN	JUMLAH SETAHUN (RM)	TAHUN	JUMLAH 2 TAHUN (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN	-	-	-	-	
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN		X 24	-	-	
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN ARENA MBSJ		X 24	-	-	
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' & RUMPUT		X 24	-	-	
5.0	PERKHIDMATAN MENGHAMPAR RUBBER INFILL	-	-		X 2	
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)						

RINGGIT MALAYSIA :

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
No. Kad :
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

Nama Penuh :
No. Kad :
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

Cap Rasmi :
No. Telefon :
Tarikh :

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB. 400-5/6/622

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN				
A	Membekal dan memasang papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan penyelenggaraan ini sepanjang tempoh kontrak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti gambar yang dilampirkan dan membuka semula papan tanda tersebut serta membaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	NOS	1
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN				
A	Menyediakan Laporan Bulanan bagi menunjukkan perkhidmatan dan penyelenggaraan pembersihan ini telah dilaksanakan iaitu yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya enam (6) helaian muka surat.	NOS	1
	KELENGKAPAN KEBERSIHAN				
	Menyediakan kelengkapan kebersihan seperti dinyatakan di bawah dan hendaklah memastikan ianya sentiasa mencukupi. Kekerapan membersihkan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.				
B	Sabun pencuci tangan (10L)	NOS	3
C	Sabun mangkuk tandas (10L)	NOS	3
D	Sabun pencuci lantai (10L)	NOS	3
E	Tisu tandas saiz jumbo (2 ply)	NOS	20
F	Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> , tahan lama (<i>durable</i>) (1 beg = 10 helai)	NOS	20
G	Plastik sampah warna biru, saiz 47cm X 54 cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 beg = 10 helai)	NOS	10
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN				
A	Menyediakan dua (2) orang buruh am dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan Arena, gelanggang sukan, kemudahan sukan, trek balapan, padang bola dan persekitaran.	BULAN	1
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
4.0	<p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' (Panjang 100 meter x Lebar 75 meter)</p>				
A	<p>Perkhidmatan penyiraman rumput padang di permukaan padang bola sepak '<i>artificial turf</i>' dengan kekerapan satu (1) kali seminggu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebulan empat (4) kali siraman 	Bulan	1
	<p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN RUMPUT</p>				
B	<p>Perkhidmatan memotong rumput di kawasan sekitar dengan kekerapan dua (2) kali sebulan.</p>	M2	4,500
C	<p>Perkhidmatan membaja pokok-pokok hiasan di persekitaran Arena MBSJ (Jenis NPK 15:15:15)</p>	Beg	1
D	<p>Perkhidmatan pelupusan sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.</p>	Trip	2
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)					

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SETAHUN (RM)
5.0	<p>PERKHIDMATAN MENGHAMPAR RUBBER INFILL</p> <p>A Membekal, menghampar, merata dan merapi permukaan padang rumput <i>Artificial turf</i> dengan <i>rubber infill</i> saiz 1-3mm diameter mengikut aras yang ditetapkan di dalam penentuan perkhidmatan termasuk menyediakan pekerja , jentera dan peralatan serta menyediakan pelapik yang bersesuaian seperti plywood/canvas bagi melindungi trek balapan sebelum jentera memasuki padang & lain-lain kerja yang berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 kali setahun (2 kali dalam tempoh perkhidmatan) • 4tan/4000kg bagi setiap pembekalan 	Tahun	1
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

1.0 PERSEDIAAN AWALAN

1.1. Pihak petender hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut bagi melaksanakan perkhidmatan ini iaitu :-

- 1.1.1 Petender hendaklah memastikan pekerjaanya mempunyai perlindungan di bawah PERKESO (warganegara/penduduk tetap) atau Perlindungan Insurans/Takaful yang mana berkaitan kepada MBSJ sebelum memulakan perkhidmatan ini dan perlu merujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender. Perkara ini akan dinyatakan dengan lebih jelas di Surat Setuju Terima (SST) untuk jenis insurans yang perlu diambil.
- 1.1.2 Menyediakan Bon Perlaksanaan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
- 1.1.3 Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan bagi perkhidmatan ini dengan anggaran **enam (6)** helaian muka surat.
- 1.1.4 Membekal dan memasang **satu (1) unit** papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan ini sepertimana gambar yang dilampirkan.
- 1.1.5 Petender hendaklah menyediakan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini seperti berikut:
 - a) Cangkul
 - b) Mesin Rumput Jenis Tolak – 1 unit
 - c) Mesin Rumput Jenis Sandang – 1 unit
 - d) Penyapu – 3 unit
 - e) Pencakar – 3 unit
 - f) Kereta sorong – 2 unit
 - g) Penyapu sawang – 2 unit
 - h) Tangga – 1 unit
 - i) Paip getah – 2 gelung
 - j) Baldi – 4 unit
 - k) Set mop – 2 unit
 - l) Pembersih hampagas – 1 unit
 - m) Pam air jenis '*high pressure*' – 1 unit

SKOP PERKHIDMATAN

1.0 SKOP BIDANG PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN, GELANGGANG SUKAN, KEMUDAHAN SUKAN, TREK BALAPAN, PADANG BOLA SEPAK DAN PERSEKITARAN.

- 1.1 Memastikan keseluruhan ruang kemudahan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan setiap sehari atau setiap kali ternampak sampah.
- 1.2 Menjalankan perkhidmatan mencuci dan membersihkan lantai gelanggang sukan sebanyak satu (1) kali sehari kali ada kekotoran.
- 1.3 Mengelap dan mencuci keseluruhan peralatan tempat duduk (kerusi) penonton dan yang berkaitan dengannya setiap hari atau setiap kali ada kekotoran.
- 1.4 Mengelap keseluruhan peralatan perabot pejabat, kipas, lampu, pintu, tingkap, *railing* tangga dan yang berkaitan dengannya, satu (1) minggu sekali atau setiap kali ada kekotoran.
- 1.5 Membuang sawang dan sarang labah-labah setiap hari.
- 1.6 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
- 1.7 Mencuci dan membasuh tandas lelaki, perempuan dan OKU serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
- 1.8 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah menggunakan bahan pencuci yang dibenarkan. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut :
 - 1.8.1 Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap).
 - 1.8.2 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - 1.8.3 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
 - 1.8.4 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.

- 1.9 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 1.10 Menyediakan sabun pencucian tangan yang mencukupi serta memastikan mesin pengering tangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- 1.11 Penyediaan bekas tisu dan tisu tandas di setiap tandas di Arena MBSJ.
- 1.12 Membuang sawang labah-labah dan sampah di dalam atau perkarangan tandas tersebut.
- 1.13 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 1.14 Mencuci longkang di sekeliling kawasan kemudahan sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 1.15 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah satu (1) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor pembersihan yang di lantik oleh pihak Majlis.
- 1.16 Kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyapu keseluruhan kawasan tempat letak kereta, longkang kecil dan lain-lain kawasan lain sebanyak satu (1) kali setiap hari atau setiap kali ada kekotoran termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 1.17 Pentender dikehendaki menyediakan tenaga buruh seperti berikut bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di lokasi ini :

LOKASI	PEKERJA	JUMLAH PEKERJA	HARI	WAKTU / MASA
ARENA MBSJ	Buruh Am	2	Isnin – Ahad	7.00 pagi – 7.00 petang

- 1.18 Tanggungjawab pentender di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut :
 - 1.18.1 Tenaga pekerja yang disediakan hendaklah berusia tidak melebihi 60 tahun, disahkan sihat, mampu dan berupaya untuk bekerja setiap hari (30) hari termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum/Am.

- 1.18.2 Pentender dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu penyediaan peralatan pembersihan seperti *mopping equipment*, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 1.19 Pentender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan di Bilik Persalinan, Bilik Teknikal, pentas, tempat duduk penonton dan '*bench*' seperti berikut;
 - 1.19.1 Mencuci dan mengemop lantai dan keseluruhan gelanggang sukan, tandas, tempat duduk penonton, '*bench*', Bilik Teknikal, Bilik Persalinan dan pentas sebanyak minima satu (1) kali sehari atau setiap kali terdapat kotoran.
 - 1.19.2 Membuang sawang labah-labah.
 - 1.19.3 Membersih segala peralatan seperti kipas, cermin kaca, pintu, tingkap, lampu, papan tanda dan lain-lain satu (1) kali dalam seminggu atau setiap kali terdapat kekotoran.
 - 1.19.4 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling ARENA MBSJ sekurang-kurangnya satu (1) kali sehari atau setiap kali terdapat kekotoran dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
 - 1.19.5 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah satu (1) kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.
- 1.20 Kontraktor dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diinginkan seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga.
- 1.21 Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat.
- 1.22 Kontraktor juga dikehendaki membuang batu pada rumput dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).
- 1.23 Kontraktor dikehendaki mengeringkan atau menolak takungan air di gelanggang atau padang yang sediada jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan takungan air.
- 1.24 Membuang apa jua jenis rumpai dan tumbuhan liar yang tumbuh di sepanjang pagar sekeliling kawasan ARENA MBSJ.
- 1.25 Menyusun dan memasang penutup longkang di sekeliling trek agar sentiasa kemas dan teratur.

- 1.26 Menyusun dan mengemas semula peralatan yang digunakan di dalam gelanggang seperti memasang tiang bola tampar, membuka jaring bola tampar, menyusun kerusi/meja dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 1.27 Menyapu dan mengelap peralatan setiap kali ada penggunaan serta menyusun semua peralatan di tempat yang disediakan.
- 1.28 Papan Tanda Informasi Kerja hendaklah di pasang di tempat yang senang dilihat. Sila berhubung dengan Pegawai Penguasa sebelum perkhidmatan pemasangan dilakukan.
- 1.29 Lain-lain perkhidmatan pembersihan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa mengikut keadaan semasa.
- 1.30 Perkhidmatan pemotongan rumput di kawasan persekitaran ARENA MBSJ:
 - 1.30.1 Memotong rumput adalah perkhidmatan membuat pemotongan rumput dengan menggunakan alat-alat yang sesuai dan tajam bagi menjamin hasil kerja yang memuaskan.
 - 1.30.2 Perkhidmatan memotong rumput sebaiknya dilakukan pada sebelah pagi.
 - 1.30.3 Rumput hendaklah dipotong dua (2) kali sebulan dan sentiasa dalam keadaan pendek. Sekiranya keadaan rumput masih pendek dan tidak memerlukan pemotongan, pihak MBSJ akan meminta pusingan pemotongan itu ditangguhkan atau dibatalkan tanpa mengubah jumlah harga kontrak.
 - 1.30.4 Perkhidmatan memotong rumput mestilah dibuat dengan menggunakan mesin-mesin rumput yang sesuai yang dibenarkan oleh pihak MBSJ.
 - 1.30.5 Memotong rumput yang dibenarkan adalah menggunakan pisau (*blade*) jenis '*rotary*' sahaja atau tali.
 - 1.30.6 Kontraktor mestilah memastikan agar kawasan pemotongan **disapu dan dibersihkan** setiap kali selepas pemotongan dibuat.
 - 1.30.7 Pelaksanaan perkhidmatan pemotongan rumput adalah dua (2) kali sebulan dan pihak kontraktor dikehendaki mengikut jadual pemotongan yang disediakan mengikut hari-hari tertentu.
- 1.31 Kontraktor adalah diwajibkan untuk menyediakan lori (milikan sendiri/sewa) bagi urusan penghantaran sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.
- 1.32 Lori yang akan digunakan bagi penghantaran sisa ke tapak pelupusan adalah dari jenis ro-ro sahaja supaya sisa dapat diuruskan dengan baik dan tidak jatuh/bersepah di atas jalan raya.

- 1.33 Kontraktor juga perlu mengemukakan slip pelupusan sisa ketika membuat tuntutan bayaran bulanan. Kontraktor perlu mendaftarkan lori yang digunakan ke tapak pelupusan. Kos pelupusan dibayar oleh kontraktor.

2.0 SKOP BIDANG PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF'

- 2.1 Memastikan keseluruhan padang sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan **satu (1) kali sehari** atau setiap kali ternampak sampah.
- 2.2 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
- 2.3 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 2.4 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 2.5 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa, dan sempurna.
- 2.6 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 2.7 Mencuci longkang di sekeliling kawasan Padang Bola Sepak ARENA MBSJ sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 2.8 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah satu (1) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh MBSJ.
- 2.9 Tanggungjawab kontraktor di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:
- 2.9.1 Peralatan Kerja
Kontraktor dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan perkhidmatan tiap-tiap hari bekerja iaitu:
- a) Peralatan pembersihan seperti mesin rumput (jenis tolak dan sandang), cangkul, kereta sorong, mesin membuat garisan, mesin baja, peralatan siraman dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.9.2 Pembersihan Kawasan Persekitaran
- a) Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling ARENA MBSJ sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap hari atau setiap kali terdapat kekotoran dan memungut sampah serta '*rubber infill*' di dalam longkang setiap hari.

- b) Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah satu (1) kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.

2.10 Kontraktor dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diinginkan seperti kertas, plastik, kaca batu, tin minuman, dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga. Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat. Kontraktor juga dikehendaki membuang batu pada rumput dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).

2.11 Penyelenggaraan harian.

Penyelenggaraan harian memberi tumpuan kepada keselamatan pengguna dan terdiri daripada yang berikut:

- 2.11.1 Perkhidmatan membersihkan dan membuang benda asing di permukaan padang rumput tiruan seperti daun kering, sampah, lumut ataupun alga dilakukan satu (1) kali sehari ataupun setiap kali terdapat kekotoran.
- 2.11.2 Memastikan permukaan padang rumput tiruan tidak ditumbuhi dengan rumpai ataupun alga satu (1) kali sehari.
- 2.11.3 Perkhidmatan mencuci dan mengutip '*rubber infill*' di dalam longkang di sekeliling padang bola sepak ARENA MBSJ dilakukan satu (1) kali sehari.
- 2.11.4 Perkhidmatan memeriksa soket tiang gol dan '*corner flags*' serta memastikan jaring gol berada di dalam keadaan baik dilakukan satu (1) kali sehari.
- 2.11.5 '*Line markings*'.
- 2.11.6 '*High traffic areas*'.
- 2.11.7 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 2.11.8 Lain-lain kerja yang diarahkan yang berkaitan dengan penyelenggaraan padang.

2.12 Penyelenggaraan mingguan.

Penyelenggaraan mingguan adalah lebih tertumpu kepada permukaan padang dan meliputi perkhidmatan seperti berikut:

- 2.12.1 Perkhidmatan penyiraman rumput di permukaan padang satu (1) kali seminggu namun perkhidmatan ini akan bertambah mengikut kekerapan penggunaan padang.

2.13 Perkhidmatan penyelenggaraan

Perkhidmatan penyelenggaraan bulanan dan tahunan adalah untuk memastikan ketahanan rumput tiruan dan kerja-kerja yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

2.13.1 Memastikan '*rubber infill*' sentiasa mengikut aras yang dibenarkan dalam spesifikasi padang rumput tiruan yang telah ditetapkan oleh FIFA dilakukan satu (1) kali sebulan.

2.13.2 Menghampar semula dan meratakan serta merapi '*rubber infill*' supaya mengikut aras yang dibenarkan di dalam spesifikasi padang rumput tiruan yang ditetapkan oleh FIFA dilakukan. Minimum pelaksanaan ialah satu (1) kali setahun namun perkhidmatan ini akan bertambah mengikut kekerapan penggunaan padang.

3.0 SKOP PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN LANDSKAP PERSEKITARAN ARENA MBSJ.

Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembersihan landskap persekitaran merangkumi aspek seperti spesifikasi kerja berikut:

- 3.1 Menyiram pokok-pokok hiasan setiap hari sekurang-kurangnya satu (1) kali sehari.
- 3.2 Menjalankan kerja-kerja pembajaan dengan menggunakan baja khas pokok bunga satu (1) kali sebulan.
- 3.3 Jenis dan kadar penggunaan baja adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	JENIS BAJA (50kg setiap beg)	JUMLAH BEG BAJA
i.	Pokok-pokok hiasan persekitaran Arena MBSJ	NPK 15:15:15	1 beg sebulan

- 3.4 Menjalankan perkhidmatan pemangkasan sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan.
- 3.5 Menjalankan perkhidmatan menggembur tanah di sekeliling pokok-pokok hiasan.
- 3.6 Mengutip sampah sarap, daun dan bunga yang jatuh/gugur pada setiap hari.
- 3.7 Lain-lain kerja berkaitan yang diarahkan dengan penyelenggaraan landskap.

4.0 LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN.

Pihak kontraktor perlu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan penyelenggaraan ARENA MBSJ jika diarah berbuat demikian.

5.0 PAKAIAN SERAGAM.

Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam sebagai tanda pengenalan terhadap semua pekerja yang bertugas dalam kontrak ini.

6.0 PUNCA AIR.

Kontraktor dikehendaki mencari sendiri sumber air untuk tujuan kerja-kerja penyiraman. Kontraktor tidak dibenarkan sama sekali mengambil dari saluran pemadam api. Arahan ini hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah diulang dari semasa ke semasa.

7.0 TUNTUTAN GANTIRUGI KE ATAS KERUGIAN ATAS KEGAGALAN PERLAKSANAAN KERJA KONTRAKTOR ATAU KECUAIAN.

- 7.1 Kontraktor akan membayar gantirugi kepada pihak MBSJ dikira berdasarkan kepada kos kerugian sekiranya ia terbukti disebabkan oleh kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak ini atau atas sebab kecuaiannya.
- 7.2 Sekiranya pihak MBSJ terpaksa membuat sendiri atau memanggil kontraktor lain dalam melaksanakan perkhidmatan dalam kontrak ini, kos tersebut akan dituntut dari kontraktor dan kontraktor berkenaan mesti menanggungnya.
- 7.3 Kontraktor dikehendaki mengenalpasti sendiri lokasi-lokasi punca air tersebut untuk membuat perancangan sendiri bagaimana kerja-kerja penyelenggaraan akan dijalankan. Pihak MBSJ boleh memberikan kebenaran penggunaan air tanpa mengenakan sebarang bayaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

KADAR DENDA

1.0 KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN.

1.1	POTONG RUMPUT	
	1.1.1 Rumput yang tidak dipotong.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.2 Potongan tidak sempurna dan tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.3 Rumput yang telah dipotong tidak dikutip.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.2	PEMBAJAAN	
	1.2.1 Pokok hiasan tidak dibaja.	RM100.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
1.3	CUCI / SAPU KAWASAN	
	1.3.1 Kawasan tidak disapu/dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
	1.3.2 Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
1.4	TONG SAMPAH KECIL / BESAR	
	1.4.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
1.5	PEKERJA	
	1.5.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang.
	1.5.2 Pekerja tidak memakai jaket/pakaian pekerja.	RM50.00 seorang.
1.6	BANGKAI BINATANG	
	1.6.1 Tidak diangkat dengan segera.	RM100.00 seekor.
1.7	DAYA KECEKAPAN PETENDER	
	1.7.1 Kakitangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
	1.7.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
1.8	PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL	
	1.8.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
1.9	PERALATAN PENYELENGGARAAN	
	1.9.1 Tidak menyediakan bahan pencuci tangan di setiap tandas.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
	1.9.2 Tidak menyediakan tisu tandas di setiap tandas.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
1.10	PELUPUSAN SISA SAMPAH	
	1.11.1 Tidak menghantar sisa sampah ke tempat pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.	RM200.00 sebulan (Gagal mengemukakan slip pelupusan sisa)

1.11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PADANG	
	1.12.1 Tidak membuang bendasing, rumpai, lumut dan alga di rumput tiruan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
	1.12.2 Tidak mencuci dan mengutip ' <i>rubber infill</i> ' di dalam longkang sekeliling padang bola sepak.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.
	1.12.3 Gagal membekal dan menghampar ' <i>rubber infill</i> ' mengikut aras yang dibenarkan di dalam spesifikasi padang rumput tiruan (termasuk perkhidmatan meratakan dan merapi)	RM5,000.00 setiap kali gagal dilaksanakan mengikut tempoh yang diberikan.
	1.12.4 Tidak melakukan perkhidmatan penyiraman di padang rumput tiruan satu (1) kali seminggu.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak MBSJ.






MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PELAN LOKASI / GAMBAR

PELAN LOKASI ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

	TANPA SKALA	TAJUK : LOKASI ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	HARTA SUBJEK	 DISEDIAKAN OLEH : BAHAGIAN KEMUDAHAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA	PELAN LOKASI
---	--------------------	---	---------------------	--	---------------------



**GAMBAR ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR
DARUL EHSAN**

BILIK VIP:



BILIK PERSALINAN:



GRANDSTAND:



PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF':





TREK BALAPAN:





GELANGGANG PICKLEBALL:




GELANGGANG SERBAGUNA :



OUTDOOR GYM:



TREK LOMPAT JAUH:



SPEKIFIKASI PAPAN TANDA MAKLUMAN.





NAMA PERKHIDMATAN :

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN PADANG BOLA SEPAK 'ARTIFICIAL TURF' DAN ARENA MBSJ, USJ 5 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

NAMA KONTRAKTOR :

NOMBOR TELEFON/HP :

BILANGAN PEKERJA : 2 ORANG

TEMPOH KERJA : HINGGA

SEBARANG ADUAN BOLEH HUBUNGI TALIAN BERIKUT :

NO. TELEFON : 03-5621 0686

NO. FAKS : 03-5621 0255

<http://www.mbsj.gov.my/>





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

MAKLUMAT PETENDER